



## DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

### POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak komited untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif kepada semua individu yang berada di premis DUN Sarawak.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu untuk mematuhi apa-apa arahan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa berada di premis DUN Sarawak.

Semua garis panduan adalah tertakluk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta peraturan-peraturan yang berkaitan yang diterima pakai di Sarawak.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan DUN Sarawak akan memastikan program, latihan, arahan, amalan dan penyeliaan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dilaksanakan di DUN Sarawak.

DUN Sarawak yakin bahawa keselamatan dan Kesihatan pekerjaan diberi keutamaan dalam memastikan tempat kerja adalah selamat dan sihat dan kondusif.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Nur Azhar Bin Bujang", is placed below the official motto.

**(NUR AZHAR BIN BUJANG)**

Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak

Tarikh: 14 Julai 2025